


Jilid III
Bil. 24



Hari Isnin
23hb Julai, 1973

MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2727]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2765]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 2768]

Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pencen dan Ganjaran) (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2770]

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) [Ruangan 2771]

USUL:

Ucapan Penangguhan—

Guru-guru Sekolah Tamil [Ruangan 2821]

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)—Kekeliruan [Ruangan 2828]

DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Isnin, 23hb Julai, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, **TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).**
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, **TUN TAN SIEW SIN, s.s.m., J.P. (Melaka Tengah).**
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).**
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, **TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).**
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).**
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, **TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, **DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.O.D.K. (Samarahan).**
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).**
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, **Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).**
- „ Timbalan Menteri Kewangan, **TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, **TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, **DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).**

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N. P.M.P., (Krian Darat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- ” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- ” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- ” TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- ” TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- ” TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K., (Ulu Kelantan).
- ” PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- ” DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- ” TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M. A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- ” DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- ” TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- ” AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- ” TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- ” TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- ” TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- ” TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

- Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bangsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

Yang Berhormat RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).

- ” TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- ” PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- ” TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- ” DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- ” TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- ” TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- ” TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- ” DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- ” TUAN TIAH ENG BEE, K.M.N., P.I.S. (Kluang Utara).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- ” TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- ” TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- ” TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- ” TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- ” TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- ” TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- ” TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. UYONG (Labuk Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

UNDI WAJIB DI MALAYSIA

1. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau akan menimbang untuk mewajibkan undi di Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya telahpun menjawab soalan yang sama dalam Dewan ini pada 15-12-71. Jawapannya masih sama lagi pada masa ini.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Jawapan itu dibuat pada tahun 1971, adakah sekarang Kerajaan bercadang mengubah balik jawapan itu?

Tuan Yang Dipertua: Sudah dikatakan jawapan itu masih sama juga.

PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK MALAYSIA (P.T.D.)

2. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai pengambilan kakitangan di dalam Perkhidmatan Diplomatik dan perlantikan Duta-duta untuk mewakili Malaysia di seberang laut dan apakah kelayakan-kelayakan bagi perlantikan seperti itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, kita mempunyai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (P.T.D.). Pegawai-pegawai yang dilantik ke dalam Perkhidmatan ini akan berkhidmat dalam perkhidmatan Pentadbiran yang biasanya dipanggil Sektor Dalam atau di dalam Perkhidmatan Diplomatik yang dipanggil Sektor Luar. Kelayakan yang paling rendah untuk memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik ialah Ijazah Kepujian (honours degree) dari mana-mana Universiti yang diiktirafkan.

Duta-duta Besar adalah dilantik dari kalangan mereka yang berkhidmat dalam Sektor Luar Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, yang telah menunjukkan kebolehan mereka dan yang telah mencapai tingkatan yang mencukupi serta mempunyai pengalaman yang perlu. Selain dari itu, Kerajaan boleh juga melantik sesiapa di luar Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (P.T.D.), jika ianya difikirkan sesuai untuk memegang jawatan itu.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu antara kelayakan itu adakah menjadi satu syarat mengenai bahasa asing bila kita menghantar seorang Duta ke Yugoslavia umpamanya, adakah Duta itu mesti tahu bahasa Yugoslavia?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, ini tidaklah menjadi syarat, tetapi kita selalu galakkan Duta-duta kita mengetahui bahasa di tempat ia memegang jawatan itu.

KESELAMATAN BERSAMA MALAYSIA

3. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Luar Negeri pendirian Malaysia terhadap keselamatan Bersama Asia.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, setakat ini terdapat hanya satu cadangan bagi Sistem Keselamatan Bersama Asia iaitu cadangan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Soviet Russia. Saya telahpun menerangkan pendirian kita, semasa menjawab soalan yang sama di dalam persidangan Parlimen yang lepas.

Walau bagaimanapun, dalam soal Keselamatan Bersama Asia secara umumnya, Kerajaan berpendapat bahawa kita harus menumpukan usaha-usaha kita untuk mencapai keselamatan Wilayah Tenggara Asia melalui cadangan pengecualian terlebih dahulu. Sebarang cadangan yang meliputi semua negara-negara di benua Asia tentu sekali akan menimbulkan beberapa masalah dan akan mengambil masa untuk mewujudkan.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang Dipertua, dalam pandangan Perdana Menteri adakah cadangan Soviet Russia yakni Keselamatan Bersama Asia, ini semacam

rancangan yang dibuat oleh Amerika Syarikat dahulu mengenai Collective Security System untuk wilayah Asia?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, nampaknya tujuan-tujuan cadangannya sama ialah hendak menjamin keamanan di Asia. Butir-butirnya saya tidak dapat tahu.

SUKARELAWAN (PEACE CORPS) AMERIKA SYARIKAT

4. Tuan Ng Hoe Hun minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan anggota Pasukan Keamanan Amerika yang sedang berkhidmat di negeri ini; beri angka bagi tiap-tiap negeri;
- (b) samada benar bahawa banyak daripada anggota Pasukan Keamanan Amerika itu adalah perisik-perisik Amerika yang dihantar oleh C.I.A.;
- (c) samada benar bahawa latihan anggota-anggota Pasukan Keamanan Amerika telah dipindah dari Hawaii ke Malaysia; jika benar, sejak bilakah latihan bermula di Malaysia dan di manakah pusat latihan itu; dan
- (d) adakah mereka mendapat lesen dari Kerajaan untuk memulakan Pusat Latihan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua,

- (a) pada 10hb Jun, 1973 terdapat 248 sukarelawan-sukarelawan (Peace Corps) Amerika Syarikat di Malaysia. Selain daripada itu terdapat juga 69 orang lagi sukarelawan-sukarelawan yang sedang mengikuti kursus. Sukarelawan-sukarelawan yang telah ditempatkan di negeri-negeri adalah seperti berikut:

Johor	21
Kedah	18
Kelantan	20
Melaka	9
Negri Sembilan	8
Pahang	20
Perak	25
Perlis	3
Penang dan Province Wel-lesley	9
Sabah	32
Selangor	67
Trengganu	12

(b) saya tidak ada alasan bagi mengesyaki bahawa sukarelawan tersebut adalah perisik-perisik yang dihantar oleh C.I.A.

(c) sukarelawan-sukarelawan (Peace Corps) yang akan ditempatkan di Malaysia telah dilatih di sini sejak 1969. Ini adalah untuk kemudahan memandangkan ramainya bilangan pelatih-pelatih yang terlibat. Latihan tersebut dijalankan di tiga pusat bertempat di Taiping, Melaka dan Kota Bharu.

(d) rancangan latihan ini telah dimulakan dengan kelulusan Kerajaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Perdana Menteri tapis Peace Corps members dan ditahan sesiapa yang menjadi perisik-perisik C.I.A. sebelum mereka datang ke tanahair kita? Jika tidak, bolehkah Kerajaan ambil tindakan menapis mereka?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya tidak faham macam mana hendak tapis orang ini. Kita tengok orang ini baik dan tidak ada apa rekodnya yang mengatakan mereka itu tidak baik. Kita terima untuk berkhidmat di sini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang Dipertua, barangkali ahli-ahli Peace Corps ini sebelum datang ke sini sudah menjadi C.I.A. agent. Saya hendak supaya Kerajaan adakan satu rancangan untuk investigate atau menapis mereka. Kalau dia C.I.A. agent, suruh dia balik. Itulah yang saya hendak tahu (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, kalau kita tahu dia seorang C.I.A. agent, kita boleh suruh dia balik.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang Dipertua, itu senang, kalau saya pegang kuasa, saya boleh buat itu, tetapi saya Independent sahaja di sini (*Ketawa*) tidak ada kuasa. Bolehkah Perdana Menteri beri saya kuasa? (*Ketawa*)

Tuan Yang Dipertua: Itu soalan main-main!

Tuan Mustapha bin Hussein: Tuan Yang Dipertua, tiap-tiap anggota American Peace Corps ini ialah diwajibkan membuat laporan kepada Kerajaan mereka. Adakah salinan laporan-laporan ini diberi kepada Kerajaan?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, kita tidak berkehendakkan apa-apa lapuran. Mereka itu berkhidmat kepada kita di sini, sampai tamat masanya mereka itu balik ke negeri mereka itu. Kita hanya berkehendakkan perkhidmatan mereka itu semasa mereka itu berada di sini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah apa-apa langkah yang diambil oleh Kerajaan iaitu mengambil perhatian atas langkah-langkah dan perbuatan ahli-ahli Peace Corps ini—whether we observed the activities of the Peace Corps people.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, kita sentiasa awasi gerak-geri dan perbuatan mereka, kalau ada perbuatan yang menyalahi undang-undang ataupun bertentangan dengan kepentingan negara, tindakan akan kita ambil dan kita boleh hantarkan mereka itu balik.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Saya hendak minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa banyak kakitangan American Peace Corps di Malaysia telah beri banyak faedah kepada negeri kita dalam beberapa bidang?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, mereka itu sangat berguna kepada kita kerana sebahagian besarnya adalah guru-guru (teachers), instructors, accountants, research workers dan lecturers. Orang-orang ini yang kita kekurangan pada masa ini dan mereka ini sangatlah berguna.

DUTA BESAR MALAYSIA KE TURKEY

5. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk melantik seorang Duta ataupun Kuasa-kuasa yang bertaraf Duta ke Turkey untuk mengeratkan perhubungan persahabatan dengan negara tersebut, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia dan Republik Turkey telahpun bertukar-tukar Duta Besar masing-masing sejak tahun 1971. Duta Besar Malaysia ke Turkey bermastautin di Teheran sambil Duta Besar Turkey ke Malaysia bermastautin di Bangkok.

KOMPOSISI KAUM DI JABATAN KERAJAAN

6. Tuan Chan Fu King minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menentukan yang bilangan kakitangan Pejabat dari Jabatan Perdana Menteri hinggalah ke Pejabat-pejabat Menteri mencerminkan komposisi kaum di negara ini, jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya telah menyentuh dasar Kerajaan di atas perkara ini sewaktu saya menggulung perbahasan bagi mengucapkan Terima kasih Kebawah Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Persidangan Dewan Rakyat yang lalu.

Dasar Kerajaan sebenarnya ialah bukan sahaja menentukan supaya bilangan kakitangan di Jabatan-jabatan Kerajaan sahaja seboleh-bolehnya mencerminkan komposisi kaum di negara ini, tetapi juga di Badan-badan di sektor swasta dan segala bentuk pekerjaan. Walau bagaimanapun, di dalam melaksanakan dasar Kerajaan ini di Jabatan-jabatan Kerajaan, perhitungan hendaklah diambil tentang beberapa peruntukan yang didapati di dalam Perlembagaan kita yang perlu dipenuhi dan dilaksanakan. Dengan berpandukan demikian, serta juga kepentingan-kepentingan kebangsaan yang lain Kerajaan sedang melaksanakan dasar ini dengan seberapa daya yang boleh supaya ianya membawa pengertian kepada semua kaum di negara kita.

ARTI TINDAKAN SABAH BERSATU

7. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah imej Malaysia sebagai sebuah negara demokratik telah terjejas oleh tindakan sewenang-wenang pihak Polis Sabah apabila mereka dengan tiba-tiba menamatkan Persidangan Perwakilan Parti Tindakan Sabah Bersatu yang pertama pada 15hb April, 1973 di Inanam di Sabah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Dewan ini, Parti Tindakan Sabah Bersatu telah mengadakan Persidangan Perwakilan yang pertama di Inanam pada 14hb dan 15hb April, 1973.

Pada 15hb April, 1973 iaitu pada hari kedua persidangan tersebut satu pergaduhan telah berlaku di perkarangan tempat persidangan itu mengakibatkan 2 orang mendapat kecederaan. Pihak Polis telah pergi ke tempat kejadian itu dan memerhati bahawa keadaan orang ramai kelam-kabut dan tidak terkawal dan ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa keadaannya akan menjadi lebih buruk. Untuk kepentingan ketenteraman awam pihak Polis telah meminta supaya persidangan itu ditamatkan. Permintaan Polis tersebut diterima dengan baik oleh Jawatankuasa Persidangan itu. Oleh yang demikian, tuduhan Ahli Yang Berhormat itu bahawa pihak Polis Sabah bertindak dengan sewenang-wenangnya adalah tidak benar dan kejadian itu telah tidak langsung menjejaskan imej Malaysia sebagai sebuah negara demokratik.

PAS SEMPADAN

8. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa pas-pas sempadan untuk memasuki negeri Thai adalah dikeluarkan kepada penduduk-penduduk negeri Perak, Perlis, Kedah dan Kelantan; jika ya, nyatakan:

- (a) syarat-syarat yang dikenakan kepada pas-pas sempadan;
- (b) jenis-jenis pas sempadan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia;
- (c) tahun perjanjian ditandatangani bagi menguatkuasakan kegunaan pas-pas sempadan; dan
- (d) samada Kerajaan akan mengulangkaji syarat-syarat pas-pas sempadan untuk memberi semua rakyat Malaysia taraf yang sama dalam penggunaan pas-pas tersebut.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua;

- (a) Pas sempadan itu dikeluarkan kepada warganegara-warganegara Malaysia yang telah duduk menetap di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan tidak kurang daripada 3 tahun sebelum permohonan itu dibuat. Warganegara Thai yang menjadi penduduk tetap negeri ini dan telah duduk menetap tidak kurang daripada 3 tahun di negeri-negeri tersebut juga layak diberi pas sempadan itu.

Warganegara Malaysia yang tidak dilahirkan di Malaysia dibenarkan masuk ke wilayah Thailand sejauh 25 kilometer daripada sempadan antarabangsa Malaysia Thailand. Warganegara Malaysia yang lain boleh melawat sehingga Songkhla sebelah pantai timur dan tidak melangkai garisan yang sejajar dengan Hadyai ke sebelah barat. Pas sempadan itu berlaku bagi beberapa perjalanan ke Thailand dalam tempoh 6 bulan, tetapi boleh diperbaharui semula. Bayaran pas sempadan ialah 50 sen dibayar dengan setem.

- (b) Ada dua jenis pas sempadan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia:
 - (i) Pas sempadan bagi perjalanan di antara wilayah sempadan Malaysia/Thailand;
 - (ii) Pas sempadan bagi perjalanan di antara wilayah sempadan Indonesia dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak.
- (c) Pas sempadan Malaysia/Thailand telah ditandatangani pada 24hb Jun, 1940. Pas sempadan Malaysia/Indonesia telah ditandatangani pada 26hb Mei, 1967.
- (d) Rundingan sedang dibuat dengan Kerajaan Thailand untuk mengadakan perjanjian yang baharu bagi maksud memberi kemudahan yang sama kepada semua warganegara Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Orang yang ada warganegara, tetapi tidak boleh pergi lepas daripada 20 kilometer ke sempadan Malaysia, apakah warganegara itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya sudah jawab tadi, Ahli Yang Berhormat ini dia tidak faham yakni warganegara Malaysia yang tidak dilahirkan di sini hanya dibenarkan menyeberang ke sana setakat 25 kilometer, warganegara yang diperanakkan di sini adalah sampai ke Songkhla dan juga kalau di sebelah barat sampai ke Hadyai dan juga di antaranya sejajar dengan garis antara dua bandar itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya tahu, kalau seorang yang diperanakkan di negeri India, dia minta Border Pass hendak pergi ke South Thailand, dia boleh dapat pas itu pergi selepas 25 kilometer, tetapi kalau orang Cina

diperanakkan di negeri Tiongkok tidak boleh pergi selepas 25 kilometer, adakah ini ada adil?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, ini adalah dengan kehendak Thailand dan kita terikat dengan perjanjian, dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya belum pasti bagi samada benar ataupun tidak.

POLIS TENTERA AMERIKA SYARIKAT DI PULAU PINANG

9. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa sepasukan polis tentera Amerika Syarikat telah menapak di Pulau Pinang pada 30hb Mei, 1973 untuk menjalankan tugasnya, dengan menangkap seorang pelancung Amerika dengan bantuan Polis kita dan jika ya, samada beliau sedar dengan perbuatan ini kedaulatan negara kita telah diserahkan kepada satu pasukan tentera asing tanpa undang-undang dan tanpa perjanjian.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah pada 28-5-73 pihak polis Pulau Pinang telah menerima panggilan talipon 999 memberitahu bahawa satu pertengkaran telah berlaku di Lam Thong Hotel, Menteri Street, Pulau Pinang. Berikutan dengan itu sebuah Kereta Perunda Polis yang dikejar ke tempat kejadian tersebut telah kembali dengan membawa 2 orang rakyat Amerika. Selepas penyiasatan dijalankan, hasilnya tidak membuktikan sesiapa di antara dua orang rakyat Amerika itu telah melanggar ketenteraman awam dan mereka dibebaskan.

Tuan Mustapha bin Hussein: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Berita berkenaan dengan tangkapan orang-orang Amerika itu adalah disiarkan di dalam surat-khabar dan ada juga gambar-gambar di dalam surat-khabar yang menunjukkan bahawa seorang pegawai polis yang tinggi mengambil bahagian tangkap-menangkap seorang warganegara Amerika yang berkulit hitam—saya ada gambarnya di sini.

Soalan tambahannya, Tuan Yang Dipertua, bolehkah Timbalan Menteri Yang Berhormat memberitahu bahawa di bawah undang-

undang mana atau di bawah apa perjanjian yang Pasukan Polis kita bertindak secara haram itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, Pasukan Polis kita tidak bertindak secara haram. Kalau di mana-mana di dalam negara kita timbul pergaduhan ataupun gulongan yang hendak memecahkan ketenteraman awam, maka apabila pihak polis menerima lapuran, pihak polis akan mengambil tindakan terhadap sesiapa juga. Di dalam negeri kita ini Kerajaan kita berkuasa penuh walaupun ke atas sesiapa. Kedua-duanya telah dilaporkan dalam hal ini melalui talipon 999—bergaduh maka dengan sebab itu pihak polis datang dan mengambil orang ini ke balai polis untuk ditahan dan disoal. Setelah disoal, maka didapati tidak ada pelanggaran undang-undang maka mereka dibebaskan—itu sahaja.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang Dipertua, berita yang saya dapat tahu dan disiarkan di dalam surat-khabar ialah tidak bersamaan dengan apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Menteri menyiasat dengan lebih dalam lagi? Saya ada butir-butirnya, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Adakah butir-butir surat-khabar?

Tuan Mustapha bin Hussain: Tidak, dengan photonya sekali.

Tuan Yang Dipertua: Ialah surat-khabar bukan?

Tuan Mustapha bin Hussain: Ya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasat dengan dalamnya atas perkara ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, pertama sekali butir-butir yang ada pada Ahli Yang Berhormat itu salah—tidak betul, dan pihak Kementerian telah menyiasat dengan telitinya dan reportnya telah ada di tangan saya dan saya dapati sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar sama sekali, dan apa yang saya dapati ialah bahawa tidak ada pelanggaran undang-undang yang dibuat, maka dengan sebab itulah mereka dibebaskan.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang Dipertua, tadi Timbalan Menteri berkata orang-orang itu sudah ditangkap dan dibawa ke balai

polis. Saya hendak tahu, kalau seseorang itu ditangkap dan dibawa ke balai polis, mestilah ada satu lapuran, adakah lapuran berkenaan dengan hal ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, tidak payah cakap lagi—sudah tentulah ada lapuran.

Tuan Ng Hoe Hun: Kalau ada lapuran mesti ada tangkapan. (*Ketawa*). Tadi Menteri pada mulanya dia menjawab, katanya tidak benar, tidak ada tangkapan, sekarang ada tangkapan pula macam mana, saya tidak tahu.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Perkataan “tangkapan” itu digunakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya katakan bila menerima lapuran, pihak polis pergi ke hotel itu dan membawa dua orang yang disebutkan ke balai polis untuk disiasat. Setelah disiasat, maka didapati tidak ada bukti menunjukkan bahawa mereka itu memecahkan undang-undang negeri ini dan oleh kerana itu mereka dilepaskan. Saya tidak menggunakan perkataan “tangkap”, Ahli Yang Berhormat itu menggunakan perkataan tangkap.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Kalau mereka sudah masuk dalam lock-up mesti ada dibawa ke Mahkamah Rendah. Adakah mereka dibawa ke Mahkamah Rendah?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini semua ingat saya tidak pernah, belum lagi menyebutkan perkataan lock-up dan saya tidak pun menyebutkan perkataan mahkamah. Ahli Yang Berhormat itu put the words into my mouth, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bagaimana Balai Polis di Thailand tahu atas perkara ini yang membawa mereka balik ke Thailand, kalau polis di sini tidak beritahu dengan polis Thailand, macam mana masalah ini boleh timbul?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, ini satu lagi pula timbul, sekarang polis Thailand pula (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Masa itu saya berada di Thailand dan suratkhbar di Thailand menyatakan polis kita yang memberitahu dengan mereka.

Tuan Yang Dipertua: Duduk dahulu! Ahli-ahli Yang Berhormat tidak suka mendengar berkenaan samada pergi ke Thailand atau tidak, itu mereka tidak suka mendengarnya!

Tuan Ng Hoe Hun: Baiklah, Tuan Yang Dipertua.

BORANG KIRIMAN WANG KE COMMONWEALTH

10. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menjelaskan mengapa diperlukan mengisi borang-borang untuk pengiriman wang lebih dari \$1,000 ke negeri-negeri Commonwealth yang mana peraturan ini tidak dikenakan dahulu dan tidakkah ini berlawanan dengan dakwaan yang menyatakan bahawa ada kekenduran kawalan pertukaran wang.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang Dipertua, oleh sebab berlakunya pembubaran de facto kawasan sterling, adalah wajar bagi kita memberi layanan yang sama terhadap semua negara-negara asing.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the Honourable Minister of Finance has stated on many occasions that for as long as he is the Minister of Finance in this country, there will be no exchange control. Now, would the Honourable Minister of Finance consider that this requirement of forms to be filled in for remittances exceeding \$1,000 constitutes the beginning of exchange control and that we may expect more stringent controls in the years or the months to come?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang Dipertua, to begin with, I never said anything of that sort. We have had exchange regulations since before I became the Minister of Finance and we have never repealed those regulations. But what I did say was that we would always have a very liberal policy in the matter of remittances and in the field of foreign exchange regulations generally. We have kept to this promise in the sense that since 8th May last, we have liberalised exchange transactions between not only Malaysia and Sterling Area countries but between Malaysia and the rest of the world. Since we have done that, we felt that it was only fair that the same rule should apply to all countries whether they are in the Sterling

Area or whether they are outside it. But I should like to make it clear that the purpose of this form is merely to secure information. There is no question of permission being given and, in fact, the rule now is that for any sum of \$1,000,000 or less, you do not require any permission from Exchange Control before sending it out.

Tuan Yeoh Teck Chye: *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, in view of the fact that the requirement of filling up of forms for the amount of \$1,000 and above will cause a lot of administrative expenses and difficulties, would the Honourable Minister of Finance consider increasing this to, say, \$100,000?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang Dipertua, we will keep this matter under constant review, but I should like to add that this is merely the filling up of a form. In fact, Bank Negara has assured me that even for remittances of more than a million dollars, normally permission is given in a matter of minutes.

Tuan Goh Hock Guan: *(Dengan izin)* Sir, I would like to know the view of the Honourable Minister of Finance on the question of controlling the remittance of money outside this country. Sir, there are countries in Asia, notably Hong Kong and Singapore, which have tried to establish themselves as great financial centres in Asia. Sir, I believe that at one stage Malaysia also had the same ambition to be a centre of big finance in this part of the world. Sir, would the Honourable Minister of Finance inform this House whether he would like to see Malaysia become an increasingly important centre of finance and, if that is the case, whether the present liberal exchange that we have got would continue in this country?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang Dipertua, I can certainly give the assurance that it is the intention of this Government to maintain this liberal exchange policy and it is also our intention to make Malaysia a major financial centre for South East Asia. But it will be appreciated that this is a long term objective and can't be achieved overnight.

PINJAMAN WANG MEMBELI RUMAH

11. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbangkan kenaikan pinjaman wang

untuk membeli rumah kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah, kerana kenaikan harga rumah dan bahan-bahannya.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang Dipertua, kami telah menimbangkan perkara itu dengan simpati dan telahpun menaikkan kadar kelayakan meminjam bagi pekerja-pekerja kumpulan bergaji rendah kira-kira 20% hingga 24% daripada kadar kelayakan yang telah ditetapkan pada asalnya dalam tahun 1970 apabila skim pinjaman wang perumahan bagi pegawai-pegawai Kerajaan dilaksanakan, supaya pekerja-pekerja yang menerima gaji daripada \$115 tetapi kurang daripada \$250 sebulan yang pada masa dahulu berkelayakan meminjam sekurang-kurangnya \$5,000 dan setinggi-tingginya \$5,500 sekarang ini masing-masing berkelayakan meminjam sebanyak \$6,000 dan \$8,000, sementara pekerja-pekerja yang mendapat gaji \$250 tetapi kurang daripada \$500 sebulan yang pada masa dahulu berkelayakan mendapat sekurang-kurangnya \$6,500 dan setinggi-tingginya \$10,500 sekarang ini masing-masing berkelayakan mendapat \$9,000 dan \$13,000. Selain daripada itu, tempoh membayar balik pinjaman telah dilanjutkan dari 15 tahun hingga 20 tahun. Patut disedari bahawa jumlah pinjaman yang dibenarkan di bawah Rancangan Pinjaman Perumahan ini mestilah sejajar dengan gaji bulanan Pekerja-pekerja itu dan juga kemampuan mereka untuk membayar balik pinjaman itu sebagaimana yang ditetapkan pada tiap-tiap bulan. Oleh kerana kenaikan itu maka ansuran untuk membayar balik pinjaman adalah sebanyak 21.3% hingga 24.6% daripada gaji bulanan mereka berbanding dengan 17.3% hingga 21.2% pada masa dahulu. Sekiranya dinaikkan lagi kadar kelayakan pinjaman ini maka masalah yang lebih rumit lagi akan timbul kepada pekerja-pekerja kerajaan yang terlibat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Menteri Kewangan sedar bahawa pinjaman yang disebutkan oleh beliau iaitu \$6,000 untuk pekerja-pekerja yang bergaji rendah tidak mencukupi untuk membeli sebuah rumah di mana-mana atau di sekeliling di Kuala Lumpur, tiada rumah yang mereka boleh beli dengan wang itu. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan mengkaji perkara ini semula supaya mereka yang bergaji rendah boleh diberi pinjaman

yang lebih sedikit supaya mereka boleh kalau sekiranya mereka bekerja di Kuala Lumpur membeli sebuah rumah?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang Dipertua, we are aware of this problem, and that is why we have increased these ceilings. But the Honourable Member will also be aware, as I tried to point out in my reply, that if we go beyond a certain ceiling in so far as the lower income groups are concerned, it would be very difficult for them to repay such loans. I am aware that costs have risen, but that is the problem.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Menteri Kewangan menyatakan masalah yang timbul kalau sekiranya pekerja-pekerja yang bergaji rendah diberi pinjaman yang lebih daripada \$6,000 mereka barangkali tidak boleh membayar pinjaman itu; bolehkah Menteri Kewangan memandang perkara ini atau masalah ini daripada lain segi, iaitu kalau sekiranya mereka yang bergaji rendah diberi gaji yang lebih, maka mereka boleh meminjam wang yang lebih dan boleh membayar pinjaman itu?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang Dipertua, I can assure the Honourable Member that I am as sympathetic as he is towards the needs of the lower income groups. But may I suggest to him that the best solution, perhaps, lies in trying to bring down the costs of the houses; and I have asked the Treasury to look into the matter of getting land more cheaply. I think the best answer may, perhaps, lie in that direction—to get land much more cheaply.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, giving sympathy to the lower income groups is hardly adequate. Now, Sir, more positive measures would be required to make houses more easily available to these people; and one of the measures, which the Honourable Minister of Finance has mentioned, is the question of getting cheaper land. But, Sir, has the Minister of Finance considered or will consider immediately the establishment of a watch-dog committee to ensure that the price of building materials, for one thing, is lowered, I can quote some figures for the attention of the Honourable Minister: the price of glass has gone up by 100% in the last week; the cost of steel has also gone up by more than 100%; the cost of plywood has gone up by more than 100%; the cost of timber, which

we produce so much in this country, has also increased by 100%. Sir, that means to say that the costs of houses have gone up by more than 100%. That being the case, would the Minister of Finance consider not only giving more loans to the lower income group but, more important, increasing their salary, so that they will be able to pay back the loan which I hope he would give. So, that is one thing which I ask the Minister of Finance whether he will consider.

Secondly, whether the Finance Minister would issue a guideline to the private sector to also urge them to increase the salary of all categories, not only the salaries of the poorer ones in the private sector but also all categories of Civil servants in the Government Service.

Tun Tan Siew Sin: Sir, this is an entirely different question.

Tuan Goh Hock Guan: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: I agree that it is an entirely different question.

SURAT-SURAT/BARANG-BARANG KIRIMAN KE SINGAPURA

12. **Tuan Luhut Wan** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar bahawa surat-surat dan barang-barang yang dikirim melalui pos ke Singapura dari Sarawak dan sebaliknya mesti dihantar ke Kuala Lumpur terlebih dahulu dan samada sistem seperti ini juga termasuk barang-barang yang dipos dan surat-surat kepada dan daripada Brunei dan Sarawak.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang Dipertua, ini tidaklah benar. Surat-surat dan benda-benda pos yang dikirimkan daripada Sarawak ke Singapura dan Brunei dan sebaliknya adalah dihantarkan terus dan tidak melalui Kuala Lumpur.

TEPUNG GANDUM/GULA/SUSU/ MINYAK MASAK—KEPERLUAN

13. **Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) jumlah keperluan tahunan barang-barang keperluan seperti tepung, gula, susu dan minyak untuk memasak di Malaysia;

- (b) jumlah keluaran tempatan barang-barang keperluan ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencapai taraf mencukupi untuk keperluan sendiri dalam barang-barang keperluan ini bagi rakyat Malaysia supaya kita tidak mendapat akibat buruk dari harga turun naik di pasaran dunia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Jumlah keperluan tepung gandum, gula, susu dan minyak masak di Malaysia adalah seperti berikut:
- | | |
|-----------------------|-----------------------------|
| (i) Tepung gandum | 232,000 tan panjang setahun |
| (ii) Gula | 383,000 tan panjang setahun |
| (iii) Susu | 3.2 juta kerton setahun |
| (iv) Minyak masak ... | 27,898 tan setahun. |
- (b) Jumlah keluaran tempatan barang-barang ini adalah seperti berikut:
- | | |
|-----------------------|-----------------------------|
| (i) Tepung gandum | 220,000 tan panjang setahun |
| (ii) Gula | 383,000 tan panjang setahun |
| (iii) Susu | 3.6 juta kerton setahun |
| (iv) Minyak masak ... | 25,145 tan setahun. |
- (c) Dari angka-angka ini, didapati negara ini adalah mencukupi keperluan sendiri (self-sufficient) di dalam gula dan susu. Walaubagaimanapun, keluaran tempatan tepung gandum dan minyak masak adalah masih kurang daripada jumlah keperluan dan penubuhan sebuah lagi kilang tepung telah dibenarkan bagi memenuhi keperluan negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dalam hal minyak masak pula adalah dijangka bahawa dengan bertambahnya kegunaan kelapa sawit selain daripada kelapa sebagai bahan mentah pengeluaran berasaskan bahan-bahan ini akan dapat menampung apa-apa juga kekurangan.

Selain daripada mendapatkan keadaan cukup keperluan sendiri (self-sufficiency) harga barang-barang keperluan seperti gula, tepung dan susu tidak dapat distabilkan untuk jangka masa yang panjang selagi bahan-bahan mentah

untuk barang-barang ini adalah didapati daripada pasaran antarabangsa di mana naik/turun harga adalah di luar kawalan kita.

HAKMILIK TANAH—PENDAFTARAN

14. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (i) jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh orang-orang asing atau syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang-orang asing di Malaysia pada 1-1-73;
- (ii) jumlah anggaran nilai pegangan-pegangan ini; dan
- (iii) samada Kerajaan sedar bahawa orang-orang asing memiliki terlalu banyak tanah di negara ini, dan jika ya, apakah yang dibuat oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang Dipertua,

- (i) jumlah luas tanah yang dimiliki oleh orang-orang asing perseorangan tidak dapat diberikan kerana butir-butir yang dikehendaki itu tidak terdapat sekarang di Pejabat-pejabat Tanah dan Pejabat-pejabat Pendaftaran Hakmilik Tanah. Butir-butir ini jika dikehendaki akan berkehendakkan tenaga yang banyak dan masa yang panjang untuk mendapatkannya. Jumlah luas keseluruhan tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat asing juga tidak dapat diberikan lagi oleh sebab belum siap disempurnakan oleh Jabatan Perangkaan Kerajaan. Walaubagaimanapun, keluasan ladang-ladang getah, kelapa sawit, kelapa dan teh yang dimiliki oleh syarikat-syarikat asing pada penghujung tahun 1971 adalah seperti berikut:
- | | |
|-------------------------|--|
| (a) Ladang Getah ... | 867,000 ekar daripada jumlah 1,561,000 ekar. |
| (b) Ladang Kelapa Sawit | 387,000 ekar daripada jumlah 529,000 ekar. |
| (c) Ladang Kelapa ... | 36,000 ekar daripada jumlah 54,000 ekar. |
| (d) Ladang Teh ... | 4,000 ekar daripada jumlah 7,000 ekar. |
- (ii) Jumlah anggaran nilai pegangan-pegangan ini tidak dapat ditentukan sekarang.

- (iii) Saya sedar tetapi ini adalah satu keadaan yang telah wujud semasa negeri ini mencapai kemerdekaan dahulu. Pada masa sekarang Kerajaan-kerajaan Negeri tidak lagi mengeluarkan tanah kepada syarikat-syarikat asing melainkan dengan sebab-sebab yang tertentu umpamanya untuk kepentingan negara.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah benar yang polisi Kerajaan adalah untuk menggalakkan lebih ramai lagi syarikat-syarikat asing memiliki tanah di tanahair kita?

Tuan Mohamed bin Ujang: Ini tidak benar, Tuan Yang Dipertua, melainkan jika mustahak seperti saya katakan tadi. Kalau ada syarikat-syarikat tempatan yang mendirikan syarikat itu kita utamakan.

SIARAN R.T.M. DARI KOTA KINABALU

15. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa Brunei menikmati siaran talivisyen atas perbelanjaan Kerajaan Sabah kerana kedudukan alamnya yang demikian dan jika ya, samada beliau akan mengenakan lebih ke atas Kerajaan Brunei.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada bahagian.

- (i) Ya.
- (ii) Tidak.

Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan tidak melarang mana-mana negara yang hendak memetik siaran biasa talivisyen atau Radio Malaysia bahkan senang hati kerana dapat mencapai matlamat kita, iaitu jumlah TV set yang minima untuk mendapatkan coverage yang maksima.

Untuk makluman Dewan ini juga maka TV Malaysia yang dipancarkan dari Kota Kinabalu itu adalah atas perbelanjaan Kerajaan Pusat, bukan Negeri dan pentadbirannya adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan.

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN M.C.E./S.P.M.

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan segera yang telah diambil, sejak keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M. 1972 yang mengejutkan itu mengenai pelajaran Sains dan Hisab yang terus rendah mutunya di sekolah-sekolah Kebangsaan untuk mengelakkan berulangnya keputusan peperiksaan seperti itu pada tahun 1973 dan dalam peperiksaan-peperiksaan yang akan datang.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang Dipertua, pada keseluruhannya, bagi maksud tahun ini, sekolah-sekolah Kebangsaan telahpun mengambil langkah-langkah yang lebih positif dalam memperbaiki lagi taraf dan mutu pengajaran ilmu Sains dan Hisab. Di antara langkah-langkah yang telah diambil itu ialah, di mana-mana boleh, mendapatkan guru-guru yang berpengalaman, mengajar mata-matapelajaran tersebut di Tingkatan V, mengadakan kelas-kelas tambahan, mengatitkan dugaan akal perdebatan-perdebatan dan memberi galakan serta nasihat kepada penuntut-penuntut yang akan mengambil peperiksaan supaya dapat menumpukan lebih lagi perhatian dan tenaga mereka kepada mata-matapelajaran yang tersebut.

Berkenaan dengan langkah-langkah lain yang akan diambil untuk masa hadapan, Kementerian Pelajaran sedang menjalankan kajian secara mendalam mengenainya.

PENYEWAWA RUMAH— KESUSAHAN

17. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Kerajaan sedar tentang kesusahan yang dialami oleh penyewa-penyewa rumah dan tuan-tuan rumah yang telah diberi perintah keluar untuk mengosongkan tanah di bawah Akta Kawalan Sewa 1966 kerana wang pampasan yang diberikan tidak sewajar dan tidak patut; jika sedar, bolehkah Kerajaan meminda Seksyen 18 (2) Akta tersebut supaya pampasan yang diberi termasuk kehilangan mata pencarian, peruntukan untuk membeli rumah atau tanah baharu, dan lain-lain perkara yang menasabah, supaya penderitaan yang dialami oleh rakyat-rakyat yang miskin yang

selalunya menjadi mangsa kepada pelabur-pelabur perindustrian dan orang-orang berada, dapat dikurangkan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):

Tuan Yang Dipertua, saya tidak tahu akan kesusahan yang dialami oleh penyewa rumah yang telah disuruh keluar dari sesebuah rumah yang terkawal sewanya di bawah Akta Kawalan Sewa Tahun 1966. Saya juga tidak tahu akan tuan-punya tanah yang tinggal di rumah yang terkawal sewanya disuruh keluar dari rumahnya, oleh kerana keadaan begini tidak mungkin berlaku.

Pampasan akan dibayar kepada penyewa rumah yang terkawal sewanya sekiranya tuan-punya tanah ingin mengambil balik rumahnya untuk dimajukan semula dan pengambilan balik ini hanya boleh dilakukan jika ia telah mendapat keizinan perancangan dan ada wang untuk memajukan semula tanahnya.

Seksyen 18A hanya boleh dipakai di Bandaraya Kuala Lumpur akan tetapi Seksyen 18 boleh dipakai di semua kawasan yang lain. Bagi Bandaraya Kuala Lumpur bayaran pampasan itu ialah sebanyak empat tahun sewa, bagi tempat perniagaan, empat tahun sewa tanah, sekiranya tanah yang di-sewa itu kosong dan dalam lain-lain kes, dua tahun sewa dan bagi kes-kes yang lain ini, terpulanglah kepada pihak Tribunal menimbang jumlah pampasan yang difikirkan adil dan berpatutan, tidak melebihi empat tahun sewa dan tidak kurang dua tahun sewa bagi tempat perniagaan, dua tahun sewa, sekiranya tanah itu kosong apabila disewakan pada mula-mulanya, dicampurkan dengan harga bangunan atau kos meruntuhkan bangunan dan mengangkut barang-barang dan dalam lain-lain kes di antara satu dengan dua tahun sewa.

Selain daripada sewa yang dibayar kepada penyewa rumah, undang-undang juga memberi masa yang cukup kepada mereka keluar daripada rumah yang terkawal sewanya untuk mencari tempat tinggal atau tempat berniaga yang lain.

Secara ringkasnya, pampasan yang dibayar itu adalah adil dan berpatutan dan masa yang cukup telah diberi bagi penyewa rumah meninggalkan rumah yang terkawal sewanya. Perlulah ingat bahawa penyewa rumah telah mendapat faedah dari sewa yang terkawal itu

yang ianya adalah lebih rendah daripada sewa yang tidak tertakluk di bawah Akta Kawalan Sewa. Selanjutnya memajukan semula harta yang terkawal sewanya akan menghasilkan penggunaan yang lebih baik lagi terhadap tanah yang berharga di bandar, pembaikan "landscape" bandar, hasil yang bertambah yang diperolehi daripada cukai untuk penguasa-penguasa tempatan dan lain-lain lagi. Apa-apa pindaan yang dibuat kepada Akta Kawalan Sewa, 1966 untuk menambahkan pampasan adalah tidak difikirkan perlu kerana kita belum menerima apa-apa pengaduan daripada penyewa-penyewa yang telah terlibat dan lagi kita juga tidak menerima apa-apa rayuan daripada Kerajaan negeri.

**ANGKATAN BERSENJATA
MALAYSIA—MEMBESARKAN**

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan samada di samping Kerajaan memperbesarkan angkatan bersenjata biasa bagi mempertahankan Malaysia daripada sebarang ancaman musuh, Kerajaan berhajat akan menubuhkan beberapa Pasukan Askar Wataniah di Negeri Sarawak yang ahli-ahlinya terdiri daripada anak-anak Negeri Sarawak sendiri. Jika ya, nyatakan masa penubuhan dan sebesar mana Pasukan Askar Wataniah dan sebesar mana Pasukan Askar Wataniah yang akan ditubuhkan itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang Dipertua, penubuhan yunit Askar Wataniah di Sarawak telahpun diluluskan oleh Kerajaan dan sekarang ini adalah dalam proses pelaksanaan. Sepertimana biasa, anggota-anggota bagi yunit-yunit ini akan terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan di mana yunit-yunit itu ditubuhkan. Sebagai permulaannya, sejumlah 350 sukarelawan akan diambil.

KEBUDAYAAN MALAYSIA

19. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (i) sebab-sebab keengganan Kementerian beliau untuk menyertakan tarian-tarian dan penari-penari kebudayaan Cina dan India dalam rombongan-rombongan kebudayaan yang dihantar ke luar negeri;

- (ii) samada tidak benar yang tindak-tanduk seperti di atas itu tidak baik bagi membina sebuah negara Malaysia yang bersatu; dan
- (iii) samada kelas-kelas tarian kebudayaan India dan Cina dijalankan oleh Kementerian beliau, jika tidak, adakah Kementerian beliau akan menimbang mengadakan dengan segera kelas-kelas seperti itu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Hashim): Tuan Yang Dipertua,

- (i) Rombongan-rombongan Kebudayaan yang dihantar oleh Kerajaan keluar negeri hendaklah mencerminkan Kebudayaan Malaysia dan bukan kebudayaan-kebudayaan suku kaum. Ini adalah harus kita lakukan sebagai rakyat Malaysia memandangkan bahawa Malaysia adalah satu negara yang merdeka dan patut mempunyai keperibadiannya sendiri iaitu keperibadian Malaysia. Sebagai misalan, bila Kerajaan Malaysia menghantar satu rombongan kebudayaan ke Pesta Ramayana di Indonesia hujung tahun 1971, pengaruh Kebudayaan India mengenai hal ini adalah jelas sekali. Tetapi ianya tidak merupakan bulat-bulat tarian India kerana Tarian Ramayana dari India adalah berbeza dengan Tarian dari Malaysia.

Perbezaan juga dapat dilihat dari tarian Ramayana kita iaitu Tarian Ramayana Malaysia dengan Tarian Ramayana yang dipersembahkan oleh negara Indonesia dan Thai. Ini bermakna ianya telah menerima penyesuaian mengikut keadaan di negara kita. Perlu juga saya katakan di sini iaitu bila kita menghantar rombongan-rombongan kebudayaan keluar negeri orang-orang yang dipilih diasaskan kepada kebolehannya untuk mencerminkan kebudayaan kebangsaan dan tidak atas dasar kaum. Semasa kita menghantar rombongan drama ke Manila untuk menyertai Pesta Drama Dunia Ketiga, pada hujung tahun 1971 dan peserta-peserta dari kaum India dan Cina selain daripada peserta-peserta Melayu, dan mereka pergi sebagai satu kumpulan

drama dari Malaysia dan bukan dari kumpulan drama Melayu, Cina dan India.

- (ii) Saya menyakal sama sekali bahawa perbuatan seperti itu memecah-belahkan rakyat Malaysia kita. Sebaliknya, mengadakan satu Kebudayaan Malaysia adalah satu daripada usaha untuk mencapai perpaduan negara. Sesungguhnya, kalau kita, sebagai rakyat Malaysia, terima syor Ahli Yang Berhormat itu, ianya akan mengekalkan pecah-belah dalam negara kita, kerana kita akan dikenalkan sebagai Melayu, Cina, India, Murut, Bidayuh, Iban, Kadazan dan sebagainya, pada hal kita harus dikenal sebagai orang Malaysia.

Sebagai polisi, Kerajaan telah menerima bahawa Kebudayaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan yang tumbuh dan hidup di bumi Malaysia kita ini. Dalam hal ini, hakikat menunjukkan bahawa Kebudayaan yang tumbuh di rantau ini telah menerima pengaruh dari kebudayaan-kebudayaan lain dalam dunia ini termasuk Kebudayaan Cina dan India, tetapi pengaruh itu diambil dan ditapis mengikut kesesuaian dan kewajarannya kepada masyarakat kita, masyarakat Malaysia.

Soal dasar ini telah beberapa kali dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri dalam ucapannya di majlis Perasmian Kongress Kebudayaan, pada 16hb Ogos, 1971 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata:

“Nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka itu sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa kebudayaan kebangsaan yang sedang dibentuk dan curakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asli rantau ini. Bagaimanapun patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh ke atasnya. Semenjak beberapa lama supaya pengaruh-pengaruh yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan”.

Dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga menyentuh tentang kebudayaan kebangsaan. Saya quote:

"We must have a sense of our history and a sense of our own identity. We must treat our history in the broad perspective of what has happened and what is happening around us. We must develop our own identity based on our own history and on what we are today. Malaysia is in many ways unique in that we are the meeting point of many of the great cultures of the world, but this does not mean that we should lose our own cultural identity. Rather it means that these elements should influence our own culture so that we will see in time the emergence of a new native-based culture which is enriched and enlivened by the different cultural elements which have come to our country".

(iii) Kementerian Kebudayaan memberikan keutamaan kepada latihan-latihan tarian kebudayaan Malaysia untuk memupuk perkembangan kebudayaan Malaysia dan identity Malaysia. Oleh kerana itu, Kementerian Kebudayaan tidak merancang latihan-latihan tarian suku kaum.

Sungguhpun Ahli Yang Berhormat mungkin lebih suka melihat dan mengembangkan kebudayaan-kebudayaan yang dikenali atau di identifikasikan dengan kaum-kaum.

TARAF AKADEMIK DAN PROFESYENAL GURU-GURU

20. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan Institut Teknologi Persendirian yang ada di negara ini, dan berikan satu jaminan yang tegas bahawa Kementerian beliau akan sentiasa mengawasi taraf Akademik dan Profesyenal guru-guru yang mengajar di Institut tersebut.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang Dipertua, ada dua institut teknologi persendirian di dalam negara kita, dan sukacita saya memberitahu di sini bahawa Kementerian Pelajaran akan sentiasa mengawasi taraf Akademik dan Profesyenal guru-guru yang mengajar di Institut-institusi tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Pelajaran sedar di antara dua institut yang disebutkan oleh beliau, ada suatu institut di Kuala Lumpur yang sentiasa kekurangan guru-guru atau pen-syarah-pensyarahnya?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang Dipertua, institut yang mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

Dr Tan Chee Khoon: Institut Teknologi Federal (F.I.T.) di Kuala Lumpur.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Soalan ini berkenaan institut persendirian.

Dr Tan Chee Khoon: Federal Institute of Technology.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Kalau begitu, sebenarnya saya tidak maklum, tetapi saya akan menyiasat atas perkara itu.

PERKHIDMATAN KAJITANAH (SOIL SURVEY)

21. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bila kajian pertanian akan dijalankan di Sarawak untuk mengkaji:

- (a) jenis-jenis tanaman yang boleh ditanam serta di mana;
- (b) bantuan-bantuan yang boleh diberikan kepada petani-petani dan caranya;
- (c) perusahaan barang-barang yang berasaskan pertanian yang boleh dimulakan di sana untuk membuat barang-barang keluaran pertanian tempatan; dan
- (d) lain-lain aspek berkaitan dengan keupayaan-keupayaan pertanian dalam negeri itu serta bagaimana untuk mengendalikannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Jabatan Pertanian Negeri Sarawak menjalankan perkhidmatan kajitanah (soil survey) sebagai perkhidmatan biasa semenjak 15 tahun yang lalu dan sehingga kini sebanyak 180 laporan kajitanah telah disiapkan meliputi kawasan seluas lebih kurang 36.5% di negeri itu.

Satu kajian bagi maksud perancangan wilayah telah dilancarkan oleh Kerajaan Sarawak di Bahagian Pertama Sarawak dalam tahun 1970 dan kajian kemungkinan sekarang sedang berjalan di kawasan Miri-Bintulu-Longlana dalam Bahagian Keempat. Kajian-kajian ukur tanah peninjau secara separuh lengkap di Bahagian Kedua akan juga dijalankan sebelum akhir tempuh Rancangan Malaysia Kedua.

Kajian-kajian itu akan menentukan kawasan-kawasan dan jenis-jenis tanaman yang boleh dimajukan. Sehingga kajian itu selesai maklumat yang dikehendaki tidaklah dapat diberitahu lagi.

- (b) Kerajaan Negeri Sarawak telah mengadakan peruntukan sebanyak \$12.3 juta bagi sekiranya mempelbagaikan pertanian dari mana bantuan-bantuan dikeluarkan secara pinjaman untuk membeli bahan pengeluaran pertanian seperti baja, benih, racun serangga dan alat-alat yang diperlukan. Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan pemberian pembangunan terus kepada Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah \$3,400,000 dalam tahun 1973 bagi rancangan bantuan tanaman lada hitam kepada peladang-peladang lada hitam itu ditadbirkan oleh Pejabat Pertanian Negeri menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh masing-masing Jawatan Kuasa Tindakan Daerah iaitu bergantung kepada peruntukan wang dan bilangan permohonan-permohonan yang diterima di sesuatu tempat.
- (c) Jawapan belum dapat diberi sehingga diketahui sepenuhnya tanaman-tanaman dan luas kawasan yang boleh diusahakan baginya diketahui.
- (d) Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Pertanian Negeri dan antara projek yang dijalanannya ialah pembukaan dan penguasaan ladang awam kelapa sawit, getah dan tanaman lada hitam.

KENAIKAN CUKAI BUAH-BUAHAN

22. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa tujuan mengenakan kenaikan cukai 100% ke atas buah-buahan yang diimport ialah untuk menggalakkan

peladang-peladang tempatan menanam banyak lagi pokok buah-buahan tempatan; jika ya, nyatakan:

- (a) Jabatan Pertanian yang manakah di Perak yang menjual pokok buah-buahan kahwin yang bermutu;
- (b) Apakah jenis pokok buah-buahan yang ada untuk dijual di Perak;
- (c) Samada benar bahawa Jabatan-jabatan Pertanian di seluruh Malaysia tidak berdaya-upaya hendak mengeluarkan pokok-pokok buah-buahan jenis "budded", "marcotted" atau "enarched" untuk memenuhi kehendak peladang-peladang tetapi terpaksa bergantung kepada bekalan dari kontraktor-kontraktor samaian yang tidak tentu;
- (d) Samada benar bahawa Jabatan Pertanian tidak membantu dalam usaha mengadakan ladang buah-buahan di Perak untuk mencapai hasrat Menteri Kewangan supaya menjadikan Malaysia cukup dengan buah-buahannya; dan
- (e) Berapa ekar durian dan rambutan yang telah ditanam di Perak dalam tahun 1972.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang Dipertua, saya sedar akan tujuan cukai ke atas import buah-buahan dari luar negeri dikenakan, iaitu satu daripadanya ialah untuk menggalakkan pengeluaran buah-buahan tempatan dengan lebih banyak untuk menggantikan buah-buahan yang diimport.

Jawapan kepada soalan pecahan Ahli Yang Berhormat itu ialah sebagai berikut:

- (a) Pejabat Pertanian Negeri Perak menguruskan beberapa buah Pusat Pengeluaran Pertanian bagi menyediakan benih-benih tanaman yang baik. Benih pokok-pokok buah-buahan boleh dibeli di Pusat-pusat Pengeluaran Pertanian di Manong, Degong, Padang Kangar, Bota Kanan, Air Tawar, Gelong Gajah dan Selama bagi bekalan yang kecil. Pesanan hendaklah diperbuat terlebih dahulu supaya benih-benih ini dapat disediakan dengan keadaan yang boleh ditanam oleh peladang.
- (b) Benih pokok-pokok buah-buahan yang dijual oleh Jabatan Pertanian dan Pusat-pusat Pengeluaran Tanaman di Perak ialah Durian, Rambutan, Limau, Mangga, Nangka, Cempedak dan sebagainya.

- (c) Semua Jabatan Pertanian Negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai rancangan dan sedang mengeluarkan di Pusat-pusat Pengeluaran Tanaman seberapa banyak benih pokok-pokok buah-buahan yang bermutu dengan cara yang termasuk mengetut (budded) kahwin (budgraft) dan marcotted. Tetapi bilangan pokok-pokok benih yang ada tidak mungkin dapat membekalkan dengan banyaknya tiap-tiap jenis pokok buah-buahan yang dikehendaki pada ketika peladang datang ke pejabat dan Pusat-pusat Pertanian dengan sertamerta.

Pengeluaran benih-benih pokok buah-buahan dengan cara marcotted ataupun budded mengambil masa dari 6 hingga 12 bulan dan oleh hal yang demikian itu Jabatan Pertanian perlu menerima pesanan-pesanan terlebih dahulu untuk menyediakan benih pokok buah-buahan yang dikehendaki.

Dalam negeri ini ada kontrakter-kontrakter semeian yang baik yang boleh mengeluarkan dan menjual benih pokok-pokok buah-buahan yang bermutu. Kontrakter-kontrakter semeian yang tidak baik pun ada dan peladang-peladang dinasihati berhubung dengan Persatuan Peladang atau Jabatan-jabatan Pertanian sebelum membeli bahan-bahan tanaman ini bagi mendapat panduan-panduan dan petunjuk-petunjuk.

Langkah-langkah juga sedang diambil oleh Persatuan Peladang untuk menggalak kontrakter-kontrakter semeian bagi mengeluarkan bahan-bahan tanaman buah-buahan yang bermutu dengan mendapat nasihat daripada Jabatan Pertanian.

- (d) Tidak benar Jabatan Pertanian Negeri Perak tidak ada memberi bantuan. Jabatan Pertanian Negeri Perak telah menyelenggarakan rancangan bantuan tanaman ladang sejak tahun 1966 bagi menubuh dan memperbaiki ladang buah-buahan. Dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua peruntukan disediakan bagi bantuan untuk 36,000 ekar ladang buah-buahan.
- (e) Seluas 6,224 ekar tanah ditanam dengan Durian dan seluas 7,564 ekar ditanam

dengan rambutan di Negeri Perak dalam tahun 1972.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

PERHENTIAN TEKSI TAPAH

23. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab mengapa Jawatankuasa Keselamatan Negeri Perak telah memutuskan hendak campurtangan dalam hal-hal Majlis Bandaran Tapah mengenai pembinaan sebuah Perhentian Teksi yang baharu walaupun ada bantahan yang dibuat oleh orang-orang tempatan di situ.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Perkara ini telahpun diterangkan dalam Dewan ini semasa ucapan penangguhan pada 18hb Julai, 1973.

PEKERJA KILANG LETRONIK DI PULAU PINANG

24. Dr A. Soorian minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa mata pekerja-pekerja Kilang Letronik di Pulau Pinang adalah kelabu dan memerlukan rawatan perubatan, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Kementerian ini belum lagi menerima apa-apa aduan-aduan daripada pekerja-pekerja kilang letronik di Pulau Pinang yang mata mereka adalah kelabu dan memerlukan rawatan perubatan akibat mereka bekerja di kilang-kilang itu. Walau bagaimanapun, satu siasatan telah dimulakan untuk memastikan samada perkara ini benar dan jika didapati benar, tindakan yang sewajarnya akan dijalankan.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V

25. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa keputusan matapelajaran Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V di Sekolah-sekolah Tamil adalah sangat buruk, jika ya, apakah tindakan-tindakan telah atau sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Saya sedar bahawa keputusan peperiksaan matapelajaran Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V di Sekolah-sekolah Tamil tidak sebaik yang diharapkan. Untuk memperbaiki keadaan ini, Kementerian Pelajaran telah menambahkan bilangan guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih lagi berpengalaman bagi sekolah-sekolah ini. Akan tetapi saya mengingatkan di sini bahawa penempatan guru-guru yang terlatih lagi berpengalaman belum lagi dapat memastikan keputusan yang baik. Kesungguhan belajar dan iktikad yang betul mesti dimiliki oleh murid-murid. Jika kesungguhan tidak ada kegagalan yang akan menimpa dan jika iktikad tidak betul maka selama itulah keputusan yang memuaskan tidak dapat dicapai. Oleh kerana Bahasa Malaysia ini telah menjadi matapelajaran yang wajib di semua sekolah dan telahpun menjadi syarat mutlak untuk lulus di dalam peperiksaan-peperiksaan, saya harap murid-murid akan menumpukan perhatian yang lebih terhadap matapelajaran ini dan ibubapa pula menggalakkan anak-anak mereka berbuat demikian. Dalam mempelajari Bahasa Malaysia ini juga tidaklah mencukupi bagi murid-murid mempelajari hanya apa yang diajarkan di sekolah-sekolah sahaja bahkan adalah mustahak bagi mereka mengamalkan Bahasa ini di luar sekolah juga.

ASRAMA PENUNTUT— PEMBINAAN

26. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan di manakah Kerajaan hendak membina 32 buah asrama dengan jumlah wang yang diuntukkan sebanyak \$6 juta dalam tahun 1973 itu. Nyatakan bilangan yang sudah siap dibina, yang masih dalam pembinaan dan yang belum dapat dibina dalam tahun ini, jika ada yang masih belum dibina tahun ini beri sebab-sebabnya.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Asrama</i>	<i>Tempat</i>
Selangor ...	4	Kelang Banting Kajang Sabak Bernam

Pulau Pinang ...	1	Bandaraya Pulau Pinang
Negri Sembilan	2	Kuala Pilah Rembau
Trengganu ...	1	Kuala Berang
Johor	2	Kota Tinggi Batu Pahat
Kedah	2	Alor Star
Melaka	4	Masjid Tanah Jasin Batu Berendam Bandar Melaka
Pahang	10	Temerloh (6) Pekan (1) Raub (1) Bentong (1) Maran (1)
Perak	5	Taiping Grik Tanjong Malim Ipo (2)
Kelantan ...	1	Kuala Krai

Belum ada yang sudah siap. 7 buah masih dalam pembinaan dan 25 belum dapat dibina. Di antara 25 yang belum dapat dibina, tawaran bagi 7 buah telah dipelawa.

Sebab pun 25 buah belum dapat dibina adalah seperti berikut:

- Projek pembangunan pelajaran adalah banyak, iaitu lebihkurang 650 projek setahun. Oleh itu agak sukar bagi pihak Jabatan Kerja Raya melaksanakan kesemuanya sekaligus.
- Pihak Jabatan Kerja Raya sedang mencuba sedaya upaya untuk menyiapkan pembinaan asrama-asrama yang diluluskan bagi tahun 1972.
- Dalam keadaan demikian, Kementerian Pelajaran mengutamakan pembinaan bilik-bilik darjah daripada pembinaan asrama kerana bilik-bilik darjah adalah lebih penting.

BIJIHTIMAH/GETAH/KELAPA SAWIT DI KUALA LUMPUR

27. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada ada cadangan untuk mengadakan undang-undang bagi meletakkan syarikat-syarikat bijih timah, getah dan kelapa sawit yang bertempat di London supaya bermastautin di Kuala Lumpur.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tidak ada cadangan buat masa sekarang untuk mengadakan undang-undang bagi memerlukan syarikat-syarikat bijih-timah, getah dan kelapa sawit yang bertempat (based) di London bermastautin di Kuala Lumpur. Akan tetapi Kerajaan akan memberi beberapa insentif kepada firma-firma perdagangan dan juga pengilang-pengilang luar negeri yang membuka dan menjalankan perniagaan getah di Kuala Lumpur. Insentif-insentif yang berkenaan akan diumumkan sebaik-baik sahaja lapuran berkaitannya diterima oleh Kerajaan.

SENI SILAT

28. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jenis-jenis seni silat yang diajar kepada polis semasa di dalam latihan; dan
- (ii) samada benar bahawa Silat Gayung, sejenis silat diajar hanya kepada orang-orang Melayu, dan jika ya, mengapa seni silat ini dihadkan kepada satu bangsa yang tertentu sahaja.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):

- (i) Jenis-jenis seni silat yang diajar kepada Polis semasa di dalam latihan ialah Silat Gayung dan Judo.
- (ii) Benar Silat Gayung diajar kepada orang Islam sahaja kerana penuntut-penuntut Silat Gayung adalah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut Ugama Islam.

STESYEN RADIO—BERITA ANTI-NASIONAL

29. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan tahu dengan tepat di mana letaknya stesyen radio yang selalu menyiarkan berita-berita anti-nasional yang meliputi peristiwa-peristiwa yang berlaku di Malaysia setiap hari, dan jika ya, nyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan dalam perkara ini dan samada Kerajaan bercadang untuk mengadakan rundingan dengan lain-lain Kerajaan asing untuk menghapuskan kumpulan ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ahli Yang Berhormat itu tidak menyatakan nama stesyen radio yang menyiarkan berita-berita anti-nasional yang dimaksudkan oleh beliau. Oleh itu adalah sukar bagi saya hendak memberi jawapan dengan tepatnya. Namun demikian saya menafikan tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap apa jua siaran radio dari luar negeri yang bercurak anti-nasional. Pihak Kementerian Penyiaran adalah sentiasa waspada terhadap dakwah anti-nasional yang dikeluarkan oleh stesyen radio di luar negeri dan sentiasa sedia mengambil tindakan menentang berita-berita yang bercurak anti-nasional.

BUKU MERAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

30. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan-rancangan untuk menambahkan bilangan projek-projek Rumah Murah di tiap-tiap Negeri untuk menghadapi masalah kekurangan rumah bagi orang-orang yang berpendapatan rendah dan juga mencegah pemaju-pemaju rumah daripada membuat keuntungan yang berlebihan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Seperti tercatat di dalam Buku Merah Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan memang ada rancangan-rancangan tertentu bagi membina rumah-rumah awam untuk menampung kekurangan rumah bagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Di dalam Rancangan Malaysia Kedua Kementerian saya telah meluluskan sebanyak 71 rancangan ataupun projek-projek perumahan di merata-rata Negeri Malaysia Barat termasuk Bandaraya Kuala Lumpur. Bilangan-bilangan yunit rumah yang akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Kedua adalah 12,609 yunit dan akan melibatkan perbelanjaan sebanyak \$80,299,554.

PASPOT ANTARABANGSA MELAWAT MALAYSIA TIMUR

31. Dr A. Soorian minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang untuk membatalkan keperluan mempunyai paspot antarabangsa bagi rakyat Malaysia untuk melawat Malaysia Barat dan Timur untuk mengiratkan lagi perhubungan antara satu dengan lain.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Soalan itu telah beberapa kali dikemukakan dalam Dewan ini iaitu pada bulan November, 1965, bulan Mac, 1968, bulan Julai, 1971 dan bulan Ogos, 1972. Soalan yang dikemukakan pada bulan Ogos 1972 itu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sendiri.

Sebagaimana yang saya telah nyatakan dalam persidangan itu, saya tidaklah bercadang hendak membatalkan keperluan mempunyai pasport antarabangsa bagi rakyat Malaysia untuk melawat Malaysia Barat dan Timur oleh kerana mengikut Perkara 161 E Perlembagaan Persekutuan, kemasukan dan kemastautinan orang-orang ke dalam salah satu negeri di Malaysia Timur adalah hak asasi bagi Kerajaan Negeri tersebut. Kehendak-kehendak ini telahpun dimasukkan ke dalam Seksyen 5 Akta Imigresen 1963.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

32. Tuan V. Veerappen minta Perdana Menteri menyatakan harga yang dibayar oleh Lembaga Padi dan Beras Negara untuk membeli beras bagi tujuan-tujuan simpanan dan berapakah harga beras yang dikeluarkan atau dijual dalam bulan Mei untuk menampung kekurangan beras di negara ini.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab soalan yang sama dalam Dewan ini pada hari Isnin, 9-7-73 yang lalu.

BERAS—KELUARAN TEMPATAN

33. Tuan Edwin Anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah keperluan tahunan barang keperluan seperti beras;
- (b) jumlah keluaran tempatan barang ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencapai taraf mencukupi beras untuk keperluan sendiri bagi rakyat Malaysia supaya kita tidak mendapat akibat buruk dari harga turun naik di pasaran dunia.

Perdana Menteri: Bahagian (a) dan (b) soalan ini telah saya jawab pada 9-7-1973 di Dewan ini.

- (c) Matlamat Kerajaan ialah mengeluarkan beras tempatan sebanyak 90% daripada keperluan Negara dan yang baki 10%

itu adalah diimpot. Matlamat ini dibuat oleh Kerajaan dengan berdasarkan beberapa sebab yang tertentu. Di masa sekarang ini pengeluaran beras bagi Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang 90% dan di Sabah dan Sarawak kira-kira 50% dari kehendak penduduk. Bagi Malaysia keseluruhannya, pengeluaran beras masih kurang dari matlamat 90% ini. Tetapi peratus ini akan meningkat dalam beberapa tahun ini dengan siapnya projek taliair Muda, Kembubu dan Besut.

HARGA BERAS

34. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar tentang berlakunya kekeliruan di kalangan orang ramai berkenaan dengan kenaikan harga beras dalam negeri ini. Mengikut kenyataan Lembaga Padi dan Beras Negara bekalan beras dalam Negeri adalah mencukupi tetapi sebaliknya, Perdana Menteri sendiri terpaksa membuat perundingan untuk mendapatkan beras dari Negeri Siam, Cina dan lain-lain lagi. Jika ya, terangkan keadaan yang sebenarnya dan adakah benar bahawa beras Negeri ini sedang diseludup ke luar negeri dan jika demikian, bagaimana.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab soalan-soalan yang sama di Dewan ini pada hari Isnin, 9hb Julai, 1973 dan hari Rabu, 11hb Julai, 1973.

Berhubung dengan penyeludupan beras keluar Negeri, pihak L.P.N. dan Kastam adalah sentiasa berjaga-jaga, terutamanya di pelabuhan-pelabuhan dan tempat-tempat pemeriksaan Kastam (check points). Setakat ini, penyeludupan keluar negeri tidak menjadi masalah.

HUBUNGAN MALAYSIA-REPUBLIK RAKYAT CINA

35. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri memberikan satu laporan kepada Dewan ini mengenai perkembangan terbaru tentang perhubungan di antara Malaysia dan Republik Rakyat Cina sejak persidangan Parlimen yang lalu.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Sebagaimana yang telah saya nyatakan beberapa kali dalam Dewan ini, perbincangan-perbincangan resmi telah pun diadakan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat Cina, dengan tujuan untuk menubuhkan hubungan diplomatik di antara kedua buah negara. Buat masa ini saya tidak ada apa-apa untuk menambah kepada pengumuman tersebut.

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CINA

36. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan telah menghantar suatu perwakilan mengandungi 3 orang ke Bangsa-bangsa Bersatu di New York untuk menemui wakil Cina Tuan Wang Hwa untuk membincangkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan mengadakan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Cina.

Perdana Menteri: Saya telah jawab beberapa soalan yang serupa dalam Dewan ini dalam dua minggu yang lepas.

ORDINAN PENCEN— JAWATANKUASA KAJIAN

37. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan samada Jawatankuasa Kajian Ordinan Pencen telah mengemukakan laporannya, jika sudah, bilakah laporan tersebut akan diumumkan kepada orang ramai.

Perdana Menteri: Saya telahpun menjawab soalan yang sama di Dewan ini pada hari Isnin minggu lepas.

BERAS—KEKURANGAN

38. Tuan R. C. M. Rayan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) memandang kepada kekurangan beras dalam dunia mengapa Kerajaan masih berdegil menghadkan pengeluaran beras kepada 90% daripada keperluan negara; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan rancangan menyimpan beras untuk menghadapi keperluan

darurat jikalau berlaku malapetaka atau untuk mengatasi kekurangan beras yang diadakan oleh pihak yang mencari keuntungan lebih.

Perdana Menteri:

(a) Kekurangan beras dalam dunia di masa ini adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak baik, kemarau dan banjir yang telah berlaku dalam beberapa banyak negeri-negeri di Asia, Afrika dan Amerika Selatan. Ini telah menyebabkan kekurangan bahan-bahan makanan, bukan sahaja beras, tetapi juga gandum, barley, sekoi dan jagung. Adalah dijangkakan bahawa kedudukan beras di dunia akan puleh semula pada akhir tahun ini atau selewat-lewatnya pertengahan tahun hadapan.

Mengenai negara kita, saya telah memberi jaminan bahawa Malaysia mempunyai beras yang mencukupi walaupun kita mengeluarkan beras pada keseluruhannya kurang daripada 90%.

Matlamat Kerajaan mengeluarkan beras tempatan sebanyak 90% daripada keperluan negara itu adalah atas sebab-sebab yang tertentu. Sebab-sebab ini termasuklah:

- (i) 90% ini bukannya satu angka yang ketat (rigid). Pengeluaran tanaman bergantung kepada cuaca, benih, baja dan perkhidmatan tunjuk ajar (extension services). Oleh itu pengeluaran beras yang sebenarnya mungkin turun naik di antara 5—10% daripada matlamat itu pada setiap tahun.
- (ii) Perbelanjaan menanam padi (cost of padi production) di Malaysia adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain di Asia.
- (iii) Sekiranya pengeluaran beras di Malaysia melebihi daripada penggunaannya (consumption) maka bakinya terpaksa diekspot. Dalam keadaan normal (jangan kira ketika ini) harga beras di pasaran dunia adalah lebih murah sebanyak \$125 pada tiap-tiap satu tan jika dibandingkan dengan

harga beras di Malaysia. Ini bermakna sekiranya kelebihan (surplus) beras itu hendak diekspot, maka Kerajaan terpaksa mengadakan "export subsidy" sebanyak tidak kurang daripada \$125 bagi tiap-tiap satu tan beras itu. Ini akan merugikan negara.

- (iv) Dengan dasar mengimpot 10% ini, pengguna-pengguna beras boleh merasai beras impot daripada apa juga jenis yang disukai mereka seperti beras Siam, beras Cina bahkan juga beras Jepun, India, Pakistan dan Amerika selain daripada beras pulut dan beras rebus (parboil).

Kerajaan sentiasa mengkaji samada matlamat 90% itu akan terus dikekalkan.

- (b) Kerajaan memang ada simpanan beras untuk masa kecemasan dari semenjak tahun 1946. Di masa ini beras stockpile kecemasan adalah dikendalikan oleh L.P.N.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 bagi maksud memperuntukkan saraan dan lain-lain had dan syarat perkhidmatan bagi Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan bagi meminda peruntukan-peruntukan berkenaan dengan pembayaran ganjaran apabila seseorang ahli sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan itu meninggal dunia semasa memegang jawatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat harus ingat bahawa di persidangan Dewan ini pada bulan April/Mei yang lalu, Rang Undang-undang bernama Akta Perlembagaan (Pindaan) 1973, bagi memperuntukkan penubuhan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah diluluskan Rang Undang-undang itu kemu-

diannya telah diluluskan oleh Dewan Negara dan mendapat persetujuan Di-Raja.

Cadangan saraan dan lain-lain syarat perkhidmatan bagi Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini adalah sama dengan yang diperuntukkan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Peluang ini adalah juga diambil untuk meminda peruntukan-peruntukan berkenaan dengan pembayaran ganjaran apabila seseorang Ahli sesuatu Suruhanjaya Perkhidmatan itu meninggal dunia semasa memegang jawatan. Keutamaan untuk menimbangkan pembayaran ganjaran hendaklah diberi terlebih dahulu kepada tanggungan-tanggungan-nya dan sekiranya tidak ada tanggungan-tanggungan, maka pertimbangan diberi kepada wakil-wakil dirinya. Ini adalah sejajar dengan peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan Pencen, 1951.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang Dipertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya cuma hendak menyentuh dalam ucapannya sebentar tadi berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya mengharapkan Suruhanjaya ini supaya dapat memikirkan dan menimbangkan dalam masaalah persamaan tanggagaji di antara guru-guru D.T.C. dengan guru-guru yang lain.

Sekarang ada kira-kira 20,000 guru-guru kita yang telah membuat suatu rungutan dan satu tindakan akan dilakukan kepada Kerajaan dengan sebab rasa tidak puashati mereka berhubung dengan tuntutan gaji yang dikehendaki. Mereka mengatakan bahawa adalah adil kiranya dapat pihak Kerajaan memberikan satu pertimbangan gaji mereka itu dapat disamakan dengan rakan-rakannya yang lain, kerana mereka juga telah menerima latihan selama tiga tahun dan juga telah memberikan khidmat mengajarnya sama masa dengan rakan yang lain. Masaalah ini,

saya mengharapkan dengan bijaksana Kerajaan supaya dapat memikirkan dengan se-penuh dan selanjutnya.

Satu perkara lagi dalam masaalah bagi pencen perkhidmatan awam ini patut memikirkan dengan serious bahawa banyak sungutan pegawai-pegawai kita bilamana mereka bersara didapati hak persaraannya atau bonosnya terlampau lambat dapat disampaikan kepada mereka. Ini satu perkara yang patut pihak Jabatan ini menyusun semula pembayaran pencen kakitangan Kerajaan kita

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang Dipertua, ucapan Yang Berhormat itu tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang di hadapan kita ini.

Tuan Yang Dipertua: Fasal pencen ini belum dibentangkan lagi. Itu tak ada kena-mengena.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang Dipertua, kalau tidak kena-mengena, saya menarik pandangan dalam masaalah kelambatan memberi persaraan kepada kakitangan Kerajaan. Saya juga hendak sentoh dalam perkhidmatan awam ini yang patut diberi perhatian oleh Kerajaan kepada kakitangan kerajaannya sendiri, bahawa setakat mana, saya minta Kerajaan membuat suatu kajian dan siasatan adakah dikatakan setengah-setengah daripada kakitangan Kerajaan itu telah menjadi ahli penghisab madat dan dadah. Ini telah disungutkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar, Selangor mengatakan bahawa setengah-setengah pegawai Kerajaan itu telah mengadakan hisapan madat dan dadah ini di rumah-rumah pangsa mereka.

Tuan Yang Dipertua: Itu tidak ada kena-mengena, buang masa sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dalam masaalah ini, saya fikir, Tuan Yang Dipertua

Tuan Yang Dipertua: Itu fasal service commission, jangan disentuh luar daripada batasan. Saya biarkan sekali-sekali, sebab saya suka hendak mendengar pandangan juga, tetapi sekarang masa sudah suntuk, tidak usahlah keluar daripada batasan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Baiklah, saya ikut nasihat Tuan Yang Dipertua. Tetapi saya memikirkan masaalah ini kerana ada kepentingan dengan kakitangan Kerajaan yang ada kaitan dengan perkhidmatan awam. Terima kasih.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang yang dibincangkan hari ini, saya fikir tidak perlulah dijawab. Dalam soal gaji guru-guru D.T.C. dan mengenai parity gaji guru-guru D.T.C. adalah bukan dalam urusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 bagi maksud meminda perenggan 8 (b) Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1973 dengan menentukan bahawa pertimbangan bayaran ganjaran hendaklah terlebih dahulu dibuat kepada orang-orang tanggungan seseorang Ahli itu apabila ianya meninggal dunia dan apabila orang-orang tanggungannya tidak ada,

maka pertimbangan bayaran ganjaran baru-lah dibuat kepada wakil dirinya sebagaimana yang ditentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dewan ini masih ingat lagi bahawa di Persidangan Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Rakyat, yang berlangsung pada bulan Disember, 1972 yang lalu, satu pindaan kepada perenggan 8 Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 telahpun diluluskan. Pindaan ini, seperti terdapat di perenggan 8 (b) adalah bermaksudkan bahawa pertimbangan bayaran ganjaran kepada seseorang Ahli Suruhanjaya Pilihanraya apabila ianya meninggal dunia hendaklah dibuat terlebih dahulu kepada wakil dirinya dan apabila wakil dirinya tidak ada maka barulah pertimbangan bagi bayaran ganjaran itu dibuat kepada orang-orang tanggungannya.

Cara pertimbangan bayaran ganjaran itu seperti yang diluluskan oleh Dewan ini di mesyuaratnya pada bulan Disember, 1972 itu seperti yang saya sebutkan tadi adalah sebenarnya tidak menepati maksud bayaran ganjaran sebenarnya.

Pembayaran ganjaran dalam hal-hal kematian seseorang Ahli Suruhanjaya Pilihanraya itu adalah sebenarnya bertujuan supaya ianya dibuat kepada orang-orang tanggungannya dan bukanlah kepada wakil dirinya melainkan jika orang-orang tanggungan Ahli itu tidak ada, iaitu selaras dengan Ordinan Pencen, 1951 berkenaan dengan pembayaran ganjaran.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN (PENCEN DAN GANJARAN) (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Akta Ahli-ahli Parlimen dan Anggota-anggota Pentadbiran (Pencen dan Ganjaran), 1971 dipinda dengan maksud supaya elaun-elaun Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis Parlimen diambil kira bagi maksud bayaran pencen dan ganjaran sama seperti yang diperbuat bagi anggota-anggota Parlimen yang lain di bawah Akta Ahli-ahli Parlimen dan Anggota Pentadbiran (Pencen dan Ganjaran), 1971. Pindaan itu adalah sepertimana yang terdapat di bawah Seksyen 2 pada Rang Undang-undang yang dibentangkan. Selain daripada itu, satu peruntukan baharu telah dimasukkan iaitu Seksyen 7A yang mana apabila seorang Yang Dipertua Dewan Rakyat itu bukan terdiri daripada seorang anggota Parlimen yang dipilih, maka ianya akan hanya dibayar ganjaran mengikut kadar sebulan gaji bagi tiap-tiap setahun perkhidmatan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah juga selaras dengan prinsip yang diamalkan sekarang mengenai pembayaran pencen dan ganjaran kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Mengenai cadangan hendak membayar sebulan gaji bagi tiap-tiap tahun perkhidmatan kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat yang bukan terdiri daripada Ahli Parlimen yang dipilih, dasar yang diikuti adalah sama sepertimana yang dibuat terhadap Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya.

Cadangan hendak memasukkan elaun-elaun Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis Parlimen ke dalam perkiraan bayaran pencen dan ganjaran itu adalah selaras dengan sekim pencen dan ganjaran bagi Anggota-anggota Parlimen.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang Dipertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

